

GURU SEBAGAI PENYELIDIK

Penulis: Abdul Rahman Abdul Majid Khan. 2008.

Penerbit: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, Selangor, Malaysia. 122 hlm.

ISBN: 978-983-3586-62-2

Crispina Gregory K. Han

Guru sebagai penyelidik adalah isu penting dan wajib dilaksanakan dalam pendidikan masa kini. Aktiviti penyelidikan dalam kalangan guru banyak menyentuh permasalahan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Dengan kata lain, penyelidikan membantu guru mengatasi masalah pengajaran dan selanjutnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Oleh itu, guru dianggap sebagai masyarakat reflektif terhadap rutin harian mereka di sekolah. Buku setebal 122 muka, tulisan Abdul Rahman Abdul Majid Khan, membicarakan topik guru sebagai penyelidik yang mencakupi aspek pengertian penyelidikan, proses kajian tindakan, pelan tindakan pengurusan projek dan kertas cadangan, pendokumentasian laporan, penyeliaan pengajaran dan kajian tindakan.

Pada awal bab buku ini, penulis membicarakan empat jenis kajian, iaitu kajian asas, kajian gunaan, kajian deskriptif dan kajian tindakan. Menurut penulis, kajian asas atau kajian fundamental adalah diluar kemampuan guru-guru sekolah manakala kajian gunaan (*applied research*) berkemungkinan dilibatkan guru-guru tetapi di bawah seliaan pakar. Kajian deskriptif juga dikenali sebagai kajian status yang seringkali melibatkan guru atau memerlukan bantuan guru. Penulis berpendapat kajian tindakan adalah kajian berbentuk ilmiah berkaitan teori-teori atau metodologi pembelajaran dalam kelas. Kajian yang dijalankan adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti menambah baik pengajaran.

Bab 2 buku ini mengupas model-model perkembangan profesional yang mampu mencetus anjakan paradigma yang lebih praktikal hasil pengaruh idea-idea terkini seperti pendidikan berasaskan hasil, pemikiran sistem dan konstruktivisme. Model-model kontemporari yang dinyatakan dalam buku ini berkaitan dengan perkembangan profesional antaranya perkembangan staf ke arah sendiri, pemerhatian dan pentaksiran, penglibatan dalam proses pembangunan atau penambahbaikan, latihan dan inkuiri. Penulis mempercayai usaha seorang guru yang terlibat secara aktif dan praktikal dapat meningkatkan profesionalismenya berasaskan pengaruh idea-idea terkini serta model-model kontemporari yang telah disebutkan di atas. Lanjutan dengan itu, kajian tindakan sebagai komponen perkembangan profesional yang menitikberatkan tiga ciri khusus, iaitu intervensi, penglibatan dan penambahbaikan. Beberapa kepentingan kajian tindakan dari segi penambahbaikan sekolah yang disenaraikan dalam buku ini ialah penglibatan dalam langkah proses kajian secara langsung dapat mendedahkan pengalaman berkaitan perubahan dan

maksud-maksud tersurat dan tersirat, aspek penilaian kebaikan dan keburukan akibat intervensi perubahan dapat dikesan melalui hasil kajian tindakan mampu menambah kemampuan mereflek pengalaman serta meningkatkan keupayaan ke arah perubahan dan berlakunya penambahan teori-teori peribadi individu. Pendekatan dan model-model kajian tindakan yang dibincangkan dalam buku ini ialah Model Gelungan Skema Tindakan Berterusan dan Model Gelungan Skema Generatif. Kedua-duanya mempunyai penekanan yang berbeza tetapi tetap menuju ke arah penambahbaikan.

Bab 3 buku ini mengupas proses kajian tindakan dari aspek merancang kajian, merancang tindakan, pelaksanaan tindakan, pemerhatian bagi mengutip data serta mereflek. Menurut penulis, perancangan kajian melibatkan persoalan seperti: *Apa yang hendak dikaji? Apa penambahbaikan yang dilakukan? Siapa? Bila? dan Apa instrumen pengukurannya?* Semua persoalan ini perlu difikirkan dengan sistematik.

Selain itu, persoalan-persoalan selepas sesuatu sesi pengajaran ialah: *Apakah yang hendak dicapai? Apakah yang sudah dicapai setakat ini? Apakah yang sudah dilaksanakan dalam mencapai keputusan di atas? Apakah yang perlu dilakukan selanjutnya bagi memastikan pencapaian yang lebih baik?* Perancangan tindakan dibuat setelah data-data dikutip dan dianalisis agar lebih menjurus kepada tindakan penambahbaikan seperti garis panduan untuk sesuatu topik pengajaran yang mengoptimumkan minat terhadap sesuatu topik, kaedah berkesan dalam menjayakan sesuatu objektif pengajaran, dan rekabentuk alat-alat bantu mengajar secara kreatif dan inovatif. Penulis mencadangkan dalam menjana alternatif-alternatif penyelesaian perbincangan dalam kumpulan adalah sebaik-baiknya dibuat, agar input dapat dimaksimumkan selain menimbulkan perasaan kepunyaan bersama. Pelaksanaan tindakan bertujuan untuk merealisasikan aktiviti atau pendekatan penambahbaikan yang difikirkan dan dirancang secara kemas. Penulis juga menegaskan sebarang perubahan sememangnya ada risikonya di mana aktiviti-aktiviti penambahbaikan bukanlah sesuatu yang rigid. Pemerhatian bagi mengutip data dapat dimantapkan sekiranya pengkaji mempunyai amalan mencatat dan merekod perkembangan-perkembangan signifikan yang berlaku semasa aktiviti dilaksanakan bagi menghindari keciciran maklumat. Menurut penulis lagi, pengutipan data berlaku dalam dua peringkat, iaitu pada peringkat awal kajian tindakan dan seterusnya ketika dan selepas tindakan menangani isu dijalankan. Data-data yang diperoleh dianalisis untuk direfleksikan bagi merumus keberkesanan tindakan dan sebagai persediaan kitaran-kitaran berikutnya.

Bab 4 mengupas penyediaan pelan tindakan pengurusan projek dan kertas cadangan. Ini termasuklah entiti-entiti seperti menganalisis masalah, menjana pelan tindakan, pelan operasi, penetapan tarikh sasaran, pemantauan dan penilaian projek, penilaian sumatif dan ringkasan penyediaan kertas kerja kajian tindakan. Penulis berpendapat penganalisan masalah dirumus dalam bentuk-bentuk seperti analisis medan daya (*force field*), sumbang saran, jaringan afiniti, kaedah Delphi, rajah tulang ikan, pencartaan proses, carta alir, rajah Pareto, rajah sebaran (*scatterplot*), penandaarasan, pemetaan saluran kerjaya bagi tujuan memfokuskan kepada isu-isu

kritikal (Sallis 1996, dalam Abdul Rahman Abdul Majid Khan 2008, 53). Menjana pelan tindakan melibatkan aspek membuat keputusan; teknik yang bersesuaian untuk ini ialah sumbang saran dan kumpulan nominal kerana melibatkan ramai peserta. Pelan operasi merupakan lanjutan daripada aktiviti utama yang mungkin terdiri daripada aktiviti kompleks yang perlu dileraikan menjadi komponen-komponen yang dapat dioperasikan secara sistematik. Lanjutan daripada ini, penulis menyatakan, penetapan tarikh sasaran, pemantauan dan penilaian projek sebaik-baiknya dibuat dalam Carta Gantt yang bertindak sebagai penstimulasi dan pemaklum balas yang berkesan. Dalam menyediakan kertas cadangan kajian tindakan, penulis menyatakan tidak ada format khusus namun guru-guru dan para penyelidik boleh menggunakan format cadangan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006, 71–76) sebagai panduan.

Bab 5 dalam buku ini mengupas tentang pendokumentasian laporan yang menitikberatkan spesifikasi penulisan ilmiah yang konvensional bagi memenuhi kehendak penerbitan dalam jurnal. Penulis menurunkan satu siri urutan yang biasa dijadikan panduan umum, iaitu bahagian preliminari (muka surat tajuk, abstrak, penghargaan, isi kandungan, senarai rajah, senarai jadual), bahagian rangka utama/teks (pengenalan/latar belakang kajian, tinjauan literatur berkaitan, metodologi, keputusan atau dapatan, perbincangan dan kesimpulan), bahagian penutup atau suplementari (lampiran, rujukan atau bibliografi). Ringkasnya, laporan kajian tindakan perlu mencakupi bahagian pengenalan, kaedah kajian dan penemuan. Penulis juga melampirkan contoh penulisan kajian tindakan sebenar yang pernah dilaksanakan olehnya sebagai panduan kepada pembaca.

Bab 6 pula mengupas aspek penyeliaan yang difokuskan adalah penyeliaan pengajaran yang wajar dilaksanakan oleh warga akademik sekolah. Umumnya, penyeliaan pengajaran dewasa ini ialah kajian tindakan yang perlu dilaksanakan secara ilmiah agar proses penambahbaikan berjalan sistematik dan berasas. Penulis mencadangkan pendekatan-pendekatan penyeliaan perlu bersifat mengarah, mengkolaborasi, dan mendelegasi untuk kumpulan-kumpulan sasaran.

Kekuatan buku ini dapat dilihat dari aspek cadangan-cadangan yang diutarakan oleh penulis dalam setiap bab penulisan namun masih kekurangan contoh-contoh dari setiap aspek perbincangan terutama sekali dalam membimbing para guru menjalankan kajian tindakan secara khusus. Penekanan perlu diutamakan dalam aspek pemberian beberapa contoh dalam perincian menu kajian tindakan.

Secara keseluruhannya, buku ini dapat dimanfaatkan kepada warga pendidik yang terdiri daripada pihak pentadbir dan guru-guru. Justeru, kandungan buku dapat dimantapkan sekiranya penulis dapat memfokuskan setiap bab perbincangan kepada perincian yang ada dalam kajian tindakan secara khusus beserta contoh-contoh memandangkan buku ini bertujuan untuk membimbing para guru menjalankan kajian tindakan secara sistematik, terancang, dan jelas prosedurnya seperti yang tertera pada kulit buku.